



PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI PERLIS

**PEKELILING PERBENDAHARAAN
BILANGAN 2 TAHUN 2017**

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN
ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2018**

TUJUAN

1. Pekeliling ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada Pegawai Pengawal bagi penyediaan Cadangan Anggaran Hasil, Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2018.

STRATEGI BAJET TAHUN 2018

2. Pada tahun 2017, ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar 4% hingga 5% meskipun berhadapan dengan persekitaran luar yang tidak menentu termasuk pertumbuhan perlahan dan tidak sekata di kalangan ekonomi dunia. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencatat pertumbuhan sebanyak 4.2% pada tahun 2016. Ini melambangkan kita masih mempunyai asas ekonomi yang mapan termasuk pasaran buruh yang stabil, kadar inflasi terkawal, rizab asing mencukupi dan sistem kewangan kukuh. Dengan prospek pertumbuhan global dan perdagangan antarabangsa yang baik, momentum ini dijangka dapat dikekalkan.

3. Dalam keadaan ekonomi Negara yang berdepan dengan pelbagai cabaran ini, Kerajaan Negeri perlu sentiasa bersedia dan terus berusaha untuk memastikan kedudukan ekonomi negeri berada di tahap yang kukuh. Justeru, Kerajaan Negeri sentiasa memberi fokus kepada usaha-usaha peningkatan hasil negeri bagi menyeimbangi keperluan perbelanjaan tahunan negeri.

4. Demi mencapai hasrat tersebut, beberapa pendekatan dan strategi telah disusun seperti berikut:

- a) Mengenalpasti sumber hasil baharu dan mempergiat kutipan hasil;
- b) Menyelenggara dan mengemaskini maklumat/sistem kutipan hasil yang lebih berkesan;
- c) Melaksanakan penguatkuasaan mengikut prosedur yang telah ditetapkan;
- d) Menangani kelemahan di dalam jentera kutipan hasil negeri; dan
- e) Mengenalpasti kaedah terbaik dalam mengutip dan mengurangkan tunggakan hasil.

5. Jawatankuasa Peningkatan Hasil Negeri telah memberi penekanan kepada jabatan yang berperanan mengutip hasil supaya lebih proaktif dalam mengkaji semula dasar, caj dan fi perkhidmatan yang dikenakan. Fokus Kerajaan Negeri kepada pemantapan kutipan hasil akan terus memberi manfaat secara langsung atau tidak langsung kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negeri Perlis. Kerajaan Negeri pastinya akan memberi lebih tumpuan kepada pertumbuhan ekonomi mampan dan peningkatan kesejahteraan hidup rakyat.

6. Selari dengan usaha gigih Kerajaan Negeri dan agenda nasional untuk mensejahtera kehidupan rakyat, penyediaan Bajet 2018 hendaklah memberi fokus kepada perbelanjaan yang memberi *outcome* positif kepada rakyat khususnya dan negeri Perlis amnya. Cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2018 hendaklah disediakan mengikut keutamaan dalam melaksanakan fungsi teras jabatan bagi mencapai *outcome* yang ditetapkan.

7. Anggaran perbelanjaan hendaklah juga mengambil kira agenda di peringkat nasional serta komitmen Kerajaan Persekutuan dalam memastikan pertumbuhan ekonomi terus kukuh atas landasan yang betul dan menjaga serta memelihara

kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat. Penyediaan bajet secara bersepadu akan memberikan gambaran holistik mengenai keperluan perbelanjaan pembangunan dan mengurus serta sumber manusia bagi sesuatu program dan aktiviti. Pegawai Pengawal perlu merujuk peraturan/pekeliling/arahan dan garis panduan yang berkuatkuasa dalam menyediakan anggaran perbelanjaan. Pegawai Pengawal hendaklah mengenalpasti keperluan peruntukan di bawah anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan supaya permohonan peruntukan dipohon melalui saluran yang tepat.

8. Kerajaan Negeri akan mengamalkan disiplin yang tegas dalam pengurusan kewangan terutamanya dalam perancangan dan perbelanjaan tahunan Jabatan/ Agensi. Hasrat Kerajaan Negeri adalah untuk mencapai bajet berimbang menjelang tahun 2020 selari dengan hasrat Kerajaan Persekutuan. Bagi tujuan ini, pendekatan Kerajaan adalah ke arah pengurusan fiskal berhemah di samping meningkatkan pengetahuan penjawat awam terhadap prosedur dan tatacara kewangan. Sebarang kecuaiian dan kelalaian yang mengakibatkan kerugian terhadap Kerajaan akan dikenakan tindakan berdasarkan peraturan sedia ada. Di samping itu, Kerajaan Negeri sentiasa memperkukuh dasar-dasar semasa yang berkuatkuasa bersandarkan prinsip penggunaan sumber secara terarah (*targeted*), berhemat dan optimum serta mampu merangsang pertumbuhan ekonomi dan membawa pulangan pelaburan.

9. Kerajaan Negeri akan memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan negeri melalui kaedah berikut:

- a) mengambil pendekatan baru dalam pelaksanaan projek dan program melalui kaedah Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* iaitu *eliminate, reduce, raise* dan *create* bagi mencapai tiga (3) prinsip utama NBOS iaitu *low cost, high impact dan rapid execution*;
- b) Meneruskan amalan perbelanjaan berhemah dan mengurangkan perbelanjaan yang tidak kritikal;
- c) Mewujudkan kawalan dalaman yang lebih teratur;
- d) Mengelakkan pembaziran sumber;

- e) Mengkaji semula dan mengubahsuaikan program/ aktiviti dengan memastikan kesesuaian dan keberkesanan program/aktiviti dalam pencapaian objektif jabatan secara cekap dan berkesan sahaja untuk diberi keutamaan;
- f) Meningkatkan kerjasama di antara jabatan dan agensi untuk mengurangkan kos sesuatu program bagi mencapai matlamat / objektif bersama;
- g) Mempertingkatkan kawalan dan pengurusan kewangan yang lebih berkesan dengan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun peringkat jabatan mengikut jadual yang ditetapkan; dan
- h) Mengambil tindakan yang positif dan lebih pro-aktif ke atas teguran-teguran audit bagi memastikan teguran yang sama tidak berulang.

10. Selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan dan konsep *Let Managers Manage*, Pegawai Pengawal adalah bertanggung jawab untuk memastikan segala dasar perbelanjaan jabatan dilakukan secara teliti, cekap, berkesan dan mempunyai nilai untuk wang serta berpegang kepada amalan pengurusan kewangan terbaik supaya lebih telus dan terkawal.

PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN HASIL

11. **Kutipan hasil** hendaklah **dikodkan kepada kod hasil yang betul** seperti yang telah diwujudkan di jabatan. Pegawai Pengawal hendaklah menyemak dan memastikan kemasukan data adalah mengikut kod hasil yang munasabah. Anggaran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan terperinci serta penjelasan kepada jangkaan peningkatan atau pengurangan berbanding dengan tahun sebelumnya, iaitu bagi anggaran hasil tahun 2018 berbanding anggaran tahun 2017.

12. Penyediaan anggaran hasil hendaklah berdasarkan perkara-perkara berikut:

- a) Rekod pungutan hasil sebenar bagi tempoh dua (2) tahun lalu;
- b) Perubahan-perubahan yang berlaku sama ada dari segi dasar, peraturan, kadar kutipan dan kedudukan ekonomi semasa/dijangkakan; dan

- c) Usaha-usaha meningkatkan pungutan hasil yang telah dibuat oleh jabatan dan keberkesanannya dalam meningkatkan kutipan hasil semasa dan tunggakan yang dibuat oleh jabatan.

13. Pegawai Pengawal/Pemungut hendaklah menyatakan keupayaan untuk memungut setiap jenis hasil bagi tahun semasa (2017) dan keupayaan untuk memungut tunggakan terkumpul tahun-tahun sebelumnya seperti berikut:

- a) Jumlah hasil bagi tiap-tiap jenis hasil yang sebenar dan sepatutnya dipungut bagi tahun 2016;
- b) Anggaran bagi tiap-tiap jenis hasil tahun semasa (2017);
- c) Anggaran bagi tiap-tiap jenis hasil tahun 2018; dan
- d) Jumlah tunggakan terkumpul tiap-tiap jenis hasil tahun sebelum yang boleh dipungut dalam tahun 2017.

PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN

14. Penyediaan anggaran perbelanjaan 2018 akan dilaksanakan sepenuhnya melalui Sistem Perakaunan Berkomputer Standard (SPEKS). Jabatan/Agensi hendaklah memasukkan data di dalam skrin kemasukan yang berkaitan dalam sistem SPEKS dan seterusnya mencetak dan mengemukakan laporan-laporan yang berkaitan ke Perbendaharaan Negeri untuk tujuan semakan.

15. Pegawai Pengawal perlulah memastikan input dimasukkan di dalam format melalui sistem tersebut dengan tepat dan sempurna bagi menggambarkan anggaran yang munasabah selari dengan perancangan Jabatan/Agensi. Pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya anggaran keperluan dilakukan dengan memberi keutamaan kepada dasar-dasar utama Kerajaan Negeri di bawah prinsip penggunaan sumber secara optimum serta nilai untuk wang iaitu ***value for money***.

16. Kegagalan pihak Jabatan/Agensi memasukkan data dengan lengkap dan sempurna akan menyebabkan berlaku kesilapan dalam pengiraan bajet secara keseluruhan dan seterusnya boleh merencatkan sistem penyampaian perkhidmatan

Kerajaan Negeri. Sebarang masalah mengenai penyediaan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2018 ini hendaklah dirujuk terus ke Pejabat Perbendaharaan Negeri.

Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus

17. Bagi mencapai matlamat Kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan negeri dengan mengurus defisit secara lebih berkesan, Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut semasa menyediakan cadangan perbelanjaan mengurus:

- a) Realistik dalam mengemukakan cadangan permohonan dengan mengambil kira matlamat dan fungsi jabatan;
- b) Meneruskan amalan perbelanjaan berhemat dan kawalan dalaman yang lebih berkesan dengan membuat kajian pasaran (*market survey*) pada harga bekalan dan perkhidmatan;
- c) Mengelakkan pembaziran sumber serta pertindihan fungsi sama ada di dalam agensi mahupun di antara agensi;
- d) Mengkaji semula dan mengubahsuai program dengan memastikan hanya program yang benar-benar menyumbang kepada pencapaian objektif jabatan secara cekap dan berkesan sahaja diberi keutamaan;
- e) Keutamaan perbelanjaan disusun semula dengan tumpuan diberikan kepada program dan aktiviti yang dapat menyumbang kepada pencapaian matlamat jabatan secara cekap, berkesan dan *cost effective*;
- f) Faktor keupayaan untuk melaksanakan program dan aktiviti oleh jabatan perlu diambil kira;
- g) Menyediakan perancangan terperinci bagi aktiviti penyenggaraan di bawah Objek Sebagai (OS) 28000 termasuk penyenggaraan aset seperti bangunan, peralatan dan kelengkapan. (*perancangan perlu dibentang semasa sesi semakan bajet*);
- h) Memastikan cadangan perolehan aset baru dibuat penilaian dan dihadkan kepada keperluan asas jabatan yang dapat meningkatkan kualiti dan keberkesanan perkhidmatan;

- i) Memastikan semua perbelanjaan komited terutamanya emolumen di bawah Objek Am 10000 termasuk pegawai/anggota kontrak yang dibayar di bawah Objek Sebagai 29000, sewaan, perhubungan dan utiliti, penyelenggaraan aset dan perkhidmatan yang berkontrak disediakan peruntukan yang mencukupi;
- j) Mematuhi garis panduan yang dikeluarkan dan masih berkuatkuasa berhubung perbelanjaan secara berhemat yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri; dan
- k) Kesedaran terhadap kedudukan kewangan negeri dengan melaksanakan langkah berjimat cermat dan kawalan dalaman.

18. Bagi mengawal perbelanjaan Kerajaan, semua Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perancangan aktiviti lawatan rasmi ke luar negara dihadkan kepada aktiviti yang memberi impak kepada negeri. Semua permohonan peruntukan untuk lawatan rasmi keluar negeri hendaklah diangkat ke pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kelulusan sebelum dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri.

Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Pembangunan 2018

19. Tahun 2018 merupakan tahun ketiga Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe11). Kerajaan Negeri akan meneruskan inisiatif dalam melaksanakan pembangunan di Negeri Perlis. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan yang dipohon adalah tidak melebihi siling projek dan telah mengambil kira keupayaan melaksana oleh jabatan. Justeru perancangan yang rapi serta keperluan aliran tunai sebenar bagi tahun tersebut perlu dilakukan di samping menyediakan jadual aliran kerja bagi setiap projek.

20. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) memainkan peranan penting dalam melaksanakan semakan bajet yang dikemukakan oleh Jabatan. UPEN akan memastikan bahawa setiap jabatan menyediakan ringkasan keperluan projek (*project brief*) yang terperinci sebelum memuktamadkan sesuatu projek. Projek yang dicadangkan hendaklah meneruskan agenda Kerajaan Negeri iaitu mensejahtera rakyat di samping selari dengan halatuju Pelan Strategik Pembangunan Perlis 2012-2030. Kerajaan Negeri akan meneruskan komitmen dengan melaksanakan projek

pembangunan yang berteraskan kepada kemakmuran rakyat. Keutamaan akan diberikan kepada pelaksanaan projek infrastruktur, sama ada baharu atau penyelenggaraan yang akan memberi manfaat dan keselesaan kepada masyarakat umumnya.

21. Dalam memastikan permohonan peruntukan adalah melalui sumber pembiayaan yang betul, Jabatan dikehendaki merujuk kepada **Senarai Klasifikasi Pembiayaan Program Dan Projek Di Bawah Belanja Pembangunan (DE) Dan Belanja Mengurus (OE)** seperti di **LAMPIRAN A**.

22. Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan peruntukan tanda (Token) RM10.00 sahaja bagi projek baharu yang akan dilaksanakan di mana urusan pengambilan balik tanah, kajian kesesuaian tanah dan kajian kemungkinan projek belum dimuktamadkan. Selain itu, Pegawai Pengawal juga hendaklah memastikan bahawa hanya peruntukan yang boleh dibelanja dalam tahun berkenaan sahaja dipohon.

23. Peruntukan untuk projek-projek baharu boleh dipertimbang sekiranya perkara-perkara berikut telah diambil kira:

- a) Perancangan terperinci untuk projek tersebut telah siap dan telah mengambil kira keperluan aliran tunai sehingga projek siap,
- b) Pengambilan balik tanah telah selesai; dan
- c) Projek sedia untuk dilaksanakan.

Peraturan Bagi Membelanjakan Peruntukan Pinjaman Di Bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

24. Bagi projek yang dicadang dibiayai melalui peruntukan pinjaman, peruntukan akan dipertimbangkan berasaskan kriteria-kriteria berikut kecuali bagi projek sosial dan strategik yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun:

- a) projek bercorak komersil;
- b) projek yang berdaya maju dan mempunyai Kadar Pulangan Dalaman sekurang-kurangnya 8%; dan

- c) peminjam tidak mempunyai apa-apa tunggakan bayaran balik pinjaman.

25. Semua permohonan pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan hendaklah mengikut tatacara yang ditetapkan dalam 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PA1.1 Peraturan Bagi Membelanjakan Peruntukan Pinjaman Di Bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan dikemukakan melalui Perbendaharaan Negeri bagi membolehkan Perbendaharaan Negeri menimbang keperluan peruntukan semasa pemeriksaan cadangan perbelanjaan.

26. Pegawai Pengawal selaku pemilik projek (*project owner*) yang menerima permohonan pinjaman, bertanggungjawab menimbang dayamaju (*viability*) projek sebelum mengemukakan permohonan kepada pihak UPEN. Ini termasuk mengkaji prestasi bayaran balik pinjaman bagi Jabatan/Agensi yang sedang dan pernah menerima pinjaman. Seterusnya, UPEN akan mempertimbang dan meluluskan projek-projek pembangunan dan mengemukakan permohonan berkenaan kepada Kerajaan Persekutuan (EPU).

PERJAWATAN

27. Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan langkah-langkah mengawal saiz perkhidmatan awam selari dengan pelaksanaan program transformasi sektor awam dan dasar perbelanjaan berhemat.

28. Pelantikan pegawai kontrak baharu di bawah OS29000 adalah **tidak digalakkan** kecuali benar-benar diperlukan. Permohonan hendaklah dipohon melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dengan justifikasi yang kukuh. Permohonan hanya akan dipertimbang bagi keperluan pengisian jawatan kritikal yang memberi perkhidmatan kepada orang ramai dan berdasarkan keupayaan kewangan Kerajaan Negeri.

PENYAMPAIAN CADANGAN PERBELANJAAN TAHUN 2018

29. Penyediaan Buku Cadangan Perbelanjaan bagi tahun 2018 hendaklah disediakan seperti berikut:

- a) Buku 1 : Anggaran Hasil dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus
- b) Buku 2 : Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

30. Penyediaan cadangan Anggaran Perbelanjaan tahun 2018 hendaklah mengikut format di dalam sistem SPEKS dan peraturan seperti berikut:

- a) Cadangan Anggaran Hasil dikemukakan seperti berikut:
 - i) Ringkasan Hasil Mengikut Objek Sebagai – **Format AH1**;
 - ii) Butir-Butir Hasil Mengikut Objek Lanjut – **Format AH2**; dan
 - iii) Justifikasi Anggaran Hasil – **Format AH3**.

- b) Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dikemukakan seperti berikut:
 - i) Ringkasan Perbelanjaan Program/Aktiviti Mengikut Objek Sebagai – **Format BM5**;
 - ii) Justifikasi Anggaran Mengurus – **Format BM 5B**;
 - iii) Anggaran Perbelanjaan Mengikut Objek Sebagai – **Format BM 5C**; dan
 - iv) Perjawatan dan Emolumen.

- c) Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dikemukakan seperti berikut:
 - i) Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Senarai Projek - **Format ABP 2**;
 - ii) Anggaran Perbelanjaan Pembangunan - **Format AP2**;
 - iii) Justifikasi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan – **Format AP3**; dan
 - iv) Keterangan mengenai projek-projek yang dicadangkan (*Project Brief*).

31. Cadangan Anggaran Perbelanjaan hendaklah dikemukakan **sebelum atau pada 27 April 2017** dengan jumlah salinan seperti berikut:

- a) **Pejabat Perbendaharaan Negeri:**
Tiga (3) naskah setiap satu Buku 1
- b) **Unit Perancang Ekonomi Negeri**
Tiga (3) naskah setiap satu Buku 2

30. Bagi memastikan ianya dapat disediakan mengikut waktu yang ditetapkan seterusnya dapat dibentangkan untuk kelulusan Dewan Undangan Negeri, semua Pegawai Pengawal perlu memastikan jadual penyediaan Bajet 2018 dipatuhi.

PEMERIKSAAN BAJET TAHUN 2018

31. Pemeriksaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Hasil dan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus oleh Perbendaharaan Negeri akan diadakan mulai **bulan Mei 2017**. Setiap Jabatan/ Agensi akan dimaklumkan secara rasmi dan Pegawai Pengawal hendaklah hadir dengan dibantu oleh pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dengan pengurusan kewangan Jabatan/ Agensi. Untuk tujuan pemeriksaan ini, setiap Jabatan/ Agensi hendaklah membawa bersama dokumen-dokumen berikut:


- a) Senarai perincian bagi permohonan peruntukan di bawah OS 28000;
- b) Senarai perincian bagi permohonan peruntukan di bawah OS 29000;
- c) Senarai perincian bagi permohonan peruntukan di bawah Objek Am 30000 (Aset), 40000 (Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap) dan 50000 (Perbelanjaan-perbelanjaan Lain); dan
- d) Dokumen-dokumen berkaitan yang menyokong permohonan peruntukan dalam Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2017 seperti keputusan Kerajaan Persekutuan/ Negeri dan sebagainya.

PENUTUP

32. Dalam penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2018 ini, Pegawai Pengawal yang memerlukan maklumat lanjut atau bantuan boleh berhubung dengan Unit Belanjawan dan Pinjaman, Perbendaharaan Negeri Perlis di talian 04 – 973 1807/ 1804.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(NASARUDDIN BIN ABDUL MUTTALIB)
Pegawai Kewangan Negeri Perlis

16 Mac 2017

s.k.

YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Setiausaha Sulit Kanan kepada YAB Menteri Besar
Bendahari Negeri

**SENARAI KLASIFIKASI PEMBIAYAAN PROGRAM DAN PROJEK DI BAWAH BELANJA
PEMBANGUNAN (DE) DAN BELANJA MENGURUS (OE)**

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
1.	BINA BAHARU, NAIK TARAF DAN UBAH SUAI Definisi: <p>a. Bina baharu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerja-kerja pembinaan bangunan/ infrastruktur baharu. • Perolehan kelengkapan dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/ infrastruktur. <p>b. Naik taraf</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerja-kerja menaik taraf fizikal bangunan/ infrastruktur sedia ada ke tahap yang lebih baik (termasuk membina bangunan tambahan). • Melibatkan kerja-kerja merubah struktur/ saiz sedia ada. • Perolehan kelengkapan/ perabot dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/ infrastruktur yang dinaik taraf. <p>c. Ubah suai:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerja-kerja ubah suai bangunan/ infrastruktur sedia ada yang tidak melibatkan perubahan struktur dan pertambahan saiz seperti ubah suai dalaman bangunan. • Perolehan kelengkapan dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/ infrastruktur yang di ubah suai dan bukan penggantian sedia ada. 			
	i. Bina baharu, naik taraf dan ubah suai bangunan/ infrastruktur.		√	<ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
2.	<p>PENYELENGGARAAN</p> <p><u>Definisi:</u></p> <p>a. Kerja-kerja penyelenggaraan aset/ harta modal bagi mengesan, mencegah atau membaiki kerosakan/ kecacatan supaya dapat berfungsi sepenuhnya atau sentiasa berada dalam keadaan baik/ sempurna. Contoh: penyelenggaraan bangunan dan kelengkapan perabot/ peralatan, kenderaan dan jentera, infrastruktur (jalan, jalan raya, jambatan, longkang, <i>culvert</i>) dan sebagainya; dan</p> <p>b. Kerja-kerja penyelenggaraan tidak mengubah struktur asal bangunan/ infrastruktur.</p>			
	<p>i. Kerja-kerja <u>penyelenggaraan dan pembaikan</u> kompleks/ bangunan/ infrastruktur dan melibatkan kos satu (1) projek melebihi RM1.0 juta.</p>		√	
	<p>ii. <u>Penyelenggaraan dan pembaikan kecil/ berulang</u> seperti mengecat, menukar lampu, kepala paip, pam tandas, wiring, siling, bumbung, dinding, pagar, kerosakan infrastruktur dan kompleks/ bangunan, kemudahan mekanikal dan elektrik termasuk penggantian kelengkapan/ perabot dan peralatan.</p>	√		<ul style="list-style-type: none"> • Pembaikan Bangunan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. • Pendawaian Semula (Elektrik) Pusat Sumber

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	iii. <u>Penyelenggaraan rutin</u> seperti resurface & <i>partial construction</i> , tampal lubang, baiki bahu jalan, garis jalan, papan tanda, kelengkapan jalan raya, membersihkan longkang tepi jalan, lampu jalan, memotong rumput, cuci perparitan dan sebagainya.	√		<ul style="list-style-type: none"> • Program MARRIS JKR • Penyelenggaraan Sistem Pengairan dan Saliran Kawasan MADA dan Pertanian
	iv. <u>Penyelenggaraan secara perkhidmatan berkala/ kontrak</u> ke atas kenderaan dan jentera (termasuk kenderaan dan jentera berat), kapal, bot, peralatan, kumbahan, penghawa dingin, lif, pam, escalator, kolam air pancur, kerja-kerja pembersihan, makhluk perosak, keselamatan, haiwan, benih dan sebagainya.	√		
3.	PEROLEHAN ASET TETAP			
	i. Perolehan tanah/ tapak untuk pembangunan merangkumi kerja awalan tanah/ tapak seperti pembersihan tanah, kerja ukur, penyiasatan tanah, rawatan tanah dan pemagaran.		√	<ul style="list-style-type: none"> • Pembelian Tanah (Pendidikan) Pelbagai Negeri (KPM)

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	ii. Bayaran premium tanah bagi tujuan pembangunan termasuk bayaran tunggakan.		√	
	iii. Perolehan bangunan sebagai program/ projek pembangunan.		√	<ul style="list-style-type: none"> • Projek Makanan Halal di Taman Pengeluaran Produk Usahawan (TTPU) Pedas • Pembelian Bangunan Bagi Kegunaan Kompleks Penyayang Sarawak
4.	PEROLEHAN HARTA MODAL			
	i. Perolehan peralatan dan kelengkapan pejabat (secara pakej/ bersekali dengan bangunan/ infrastruktur). <i>(Projek yang dibiayai melalui sumber pinjaman/TAHAP)</i>		√	<ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan Kompleks Dewan Undangan Negeri
	ii. Perolehan peralatan dan mesin baharu/ menaik taraf peralatan sebagai program/ projek pembangunan.		√	<ul style="list-style-type: none"> • Peralatan dan Kenderaan (KKM) • Perolehan Peralatan Saintifik (MOSTI) • Menaiktaraf Konsol Kawalan Reaktor (MOSTI)

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
iii.	Perolehan kenderaan bagi tujuan operasi seperti kereta peronda polis, kereta bomba, JPJ dan ambulan.		√	<ul style="list-style-type: none"> • Perolehan Kereta Peronda Polis (MPV) Jenis 4WD • Peralatan dan Kenderaan (KKM)
iv.	Perolehan kapal, bot, helikopter, kapal terbang, kapal selam.		√	<ul style="list-style-type: none"> • Kelengkapan (MINDEF/TUDM)
v.	Perolehan haiwan, pokok & benih berkaitan pembangunan seperti pembelian baka ikan untuk pengeluaran benih dan pemprosesan ikan.		√	<ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran Bibit dan Baka Lembu (MOA)
vi.	Perolehan kenderaan pejabat seperti kereta, bas dan coaster (urusan pentadbiran).	√		<ul style="list-style-type: none"> • One-off kenderaan/ jentera – Pembelian kenderaan Pejabat
vii.	Perolehan penggantian/ tambahan peralatan & kelengkapan pejabat (bukan secara pakej dengan bangunan/ infrastruktur).	√		<ul style="list-style-type: none"> • One-off harta modal – Pembelian 10 unit komputer
viii.	Perolehan pokok dan benih yang tidak berkaitan dengan pembangunan seperti untuk hiasan pejabat.	√		<ul style="list-style-type: none"> • Senggaraan Landskap Pejabat

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	Penjelasan bagi OS27000 dan OS30000:			
	<u>27000 - Bekalan Dan Bahan-bahan Lain</u>			
	<p>Objek Sebagai ini merekodkan perbelanjaan semua bekalan dan bahan-bahan selain daripada bekalan bahan-bahan makanan dan minuman, bahan mentah dan bahan-bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan sendiri yang disenaraikan di bawah Objek Sebagai 25000 dan 26000. Walau bagaimanapun peraturan-peraturan di bawah mesti diikuti untuk merekod sesuatu perbelanjaan di bawah Objek Sebagai ini iaitu:</p>			
	<ul style="list-style-type: none"> • Barang-barang Luak (<i>expendable items</i>) Semua pembelian barang-barang luak tanpa mengambilkira harga setiap unit. 			
	<ul style="list-style-type: none"> • Barang-barang Tak Luak (<i>non-expendable items</i>) <ul style="list-style-type: none"> i) Hanya pembelian barang-barang tak luak yang berharga kurang daripada RM1000 setiap unit atau; <p style="margin-left: 20px;"><i>Contoh untuk (i) – Alat muzik yang berharga kurang daripada RM1000 hendaklah direkod di bawah Objek Lanjut 27303 dan jika lebih daripada RM1000 di bawah Objek Lanjut 35503.</i></p> ii) Berharga RM1000 atau lebih setiap unit dan tidak disenaraikan di bawah Objek Sebagai 34000 atau 35000. <p style="margin-left: 20px;"><i>Contoh untuk (ii) – Pakaian yang berharga lebih daripada RM1000 tetapi oleh kerana ia tidak disenaraikan di bawah Objek Sebagai 34000 atau 35000 maka ia hendaklah direkodkan di bawah Objek Lanjut 27605.</i></p> 			
	<u>30000 - Aset</u>			
	<ul style="list-style-type: none"> • Objek Am ini merekodkan semua perbelanjaan untuk mendapat semua jenis aset termasuk harta modal, pelaburan, binatang untuk tujuan ternakan dan keselamatan, pokok dan benih untuk tujuan tanaman. • Objek Am ini juga merekodkan pebelanjaan pembaikan besar ke atas harta-harta modal. Definisi pembaikan besar adalah sesuatu pindaan, sama ada secara struktural atau tidak serta sesuatu tambahan atau pembaharuan yang dibuat kepada aset yang sedia ada yang menambahkan nilai dan mutunya. Contoh-contoh pembaikan besar ialah '<i>extensions and renovations of buildings</i>' dan '<i>overhauling of cars</i>'. 			
	<i>Jabatan hendaklah merujuk kepada <u>1PP PS1.1</u> (Penjenisan Kod Bagi Hasil Dan Perbelanjaan) untuk rujukan lanjut dan tujuan permohonan peruntukan di bawah Objek Sebagai yang berkaitan dengan tepat.</i>			

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
5.	PEMBANGUNAN MODAL INSAN/LATIHAN			
	i. Perbelanjaan yang melibatkan pembangunan modal insan kumpulan sasar <ul style="list-style-type: none"> • <i>Perlu mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri sebelum program dilaksanakan oleh Jabatan</i> 		√	<ul style="list-style-type: none"> • Projek Skim Geran Galakan Untuk Orang Kurang Upaya (OKU) • Skim Kemahiran & Kerjaya 1Malaysia
	ii. Perbelanjaan yang melibatkan pembangunan modal insan untuk kakitangan kementerian/ agensi	√		<ul style="list-style-type: none"> • Seminar, perisdangan, kursus dan sebagainya
6.	PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN			
	i. Bayaran konsesi projek-projek PFI/PPP	√		<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran CAPEX PFI/PPP (Mesyuarat Jawatankuasa Fiskal pada 22 Jun 2013 memutuskan dibiayai di bawah DE mulai 2015)
	ii. Pembangunan sistem dan fi/ yuran langganan/ lesen perisian secara program/ pakej		√	<ul style="list-style-type: none"> • HRMIS • e-Perolehan • SPEKS • SPP II

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	iii. Penyelenggaraan sistem dan fi/ yuran langganan/ lesen perisian bukan secara program/ pakej	√		<ul style="list-style-type: none"> • antivirus
	iv. Perolehan perkhidmatan ICT	√		
	v. Promosi dan pengiklanan program	√		
	vi. Dana & tabung seperti Dana Pelaburan Strategi, Techno Fund dan Science Fund		√	<ul style="list-style-type: none"> • Dana untuk pemangkin Inovasi & Penyelidikan & Pembangunan
	vii. Ekuiti		√	<ul style="list-style-type: none"> • Dana Ekuiti Nasional Berhad
	viii. Kajian dan bayaran pakar perunding untuk projek pembangunan		√	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian Kejuruteraan Rapid Transit Sistem
	ix. Sewaan dan pajakan	√		
	x. Bayaran bil utiliti	√		<ul style="list-style-type: none"> • Kos Operasi & Penyelenggaraan lampu Jalan Kampung KKLW
	xi. Bayaran pampasan/ ganti rugi yang ditanggung oleh Kerajaan	√		

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	xii. Bayaran emolumen, elaun dan bantuan tunai kakitangan termasuk kakitangan lantikan kontrak/ sementara	√		
	xiii. Tuntutan perjalanan dalam dan luar negara	√		
	xiv. Penganjuran majlis perasmian/ pecah tanah projek pembangunan	√		
	xv. Perolehan bahan bercetak, bahan mentah, bahan pakai buang dan seumpamanya.	√		